

Headline	Operasi Bersepadu dilancar, barangan 39 peniaga di rampas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	31	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	267 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,325
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,975



# Operasi Bersepadu dilancar, barangan 39 peniaga dirampas

**SELAYANG 31 Mei** - Kekerapan aduan yang diterima Majlis Perbandaran Selayang (MPS) terhadap lambakan warga asing, masalah kebersihan serta kesesakan lalu lintas mendorong Operasi Bersepadu diadakan di Pasar Borong Selayang.

Timbalan Yang Dipertua MPS, Datuk Juhari Ahmad berkata, dalam operasi berkenaan MPS berjaya merampas barangan jualan 39 peniaga yang tidak mempunyai lesen dan permit.

Beliau berkata, rampasan tersebut melibatkan 35 khemah, dua lori serta dua roro yang menjual

pelbagai barangan antaranya sayur, ikan dan buah.

“Setiap hari pihak kami menerima kira-kira sepuluh aduan daripada orang ramai berkenaan perkara tersebut yang menyebabkan gangguan kepada mereka.

“Kali ini, MPS mengadakan operasi dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memandangkan kawasan itu sempadan antara kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) ini,” katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan Operasi Bersepadu Pasar Borong Selayang di sini baru-baru ini.

Tambah Juhari, kerjasama itu adalah bagi memastikan peniaga yang melanggar undang-undang tidak dapat melarikan diri daripada ditangkap penguat kuasa.

“Antara agensi lain yang terlibat adalah Imigresen, Suruhanjaya Syarikat Malaysia serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

“Pihak kami merancang untuk mengadakan operasi seperti ini sebanyak tiga kali setahun memandangkan Pasar Borong Selayang dimonopoli oleh pendatang tanpa izin,” katanya.



**ANGGOTA** penguat kuasa MPS menyita barangan jualan milik peniaga yang tidak mempunyai lesen dan permit di Pasar Borong Selayang, Selangor, baru-baru ini.